

UTeM pilihan MAI

Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my



UTeM menjalin kerjasama strategik dengan IPT Rusia, Moscow Aviation Institute (MAI), baru-baru ini.

UNIVERSITI Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menjadi pilihan institusi pendidikan tinggi Rusia, Moscow Aviation Institute (MAI) menjalin kerjasama strategik menerusi pemeteraian Surat Niat (LoI).

Surat LoI itu ditandatangani Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Dr Massila Kamalrudin dan Naib Rektor Hal Ehwal Akademik MAI, Profesor Dr Dmitriy Kozorez di Melaka, baru-baru ini.

Majlis itu disaksikan Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud dan Timbalan Menteri Sains dan Pendidikan Tinggi Persekutuan Rusia, Airat Gatiyatov.

Dr Massila berkata, pemeteraian LoI itu menjadi lembaran baharu buat UTeM kerana pertama kali dalam sejarah menjalin hubungan dan kerjasama strategik dengan institusi pendidikan tinggi dari Rusia.

Katanya, agenda ini turut memberi impak langsung dalam mengukuhkan hubungan baik antara Malaysia dan Rusia, khususnya dalam usaha memperluas kerjasama di peringkat antarabangsa yang berfokus kepada kemajuan pendidikan tinggi.

"Menerusi LoI ini, kedua-dua pihak akan menumpukan kepada perkongsian kepakaran penyelidikan dalam empat bidang tumpuan utama yang menjadi tumpuan dunia masa kini.

"Empat bidang ini adalah sains komputer, sains bahan, mekatronik serta penyelenggaraan dan pembaikan pesawat.

"Selain itu, UTeM dan MAI juga berhasrat untuk menjayakan program pertukaran staf dan pelajar, termasuk penganjuran program musim panas serta usaha promosi bersama bagi program akademik masing-masing," katanya.

Dr Massila berkata agenda ini juga sudah menepati dua perkara utama iaitu menyokong Pelan Strategik UTeM dan pada masa yang sama bertepatan serta memenuhi Fokus Empat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) iaitu Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi.

"Inisiatif strategik ini juga sejajar dengan aspirasi kami sebagai universiti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) terbaik di Malaysia untuk memperkukuh jaringan global dalam ruang tanpa sempadan di pentas global," katanya.

Sehari sebelum majlis berkenaan, UTeM menerima kunjungan hormat daripada delegasi kumpulan kerja pendidikan, sains dan teknologi di bawah Suruhanjaya Bersama Persekutuan Rusia-Malaysia bagi kerjasama ekonomi, saintifik, teknikal dan kebudayaan.

Lawatan ini juga membabitkan lebih 50 orang Naib Canselor dan wakil kanan institusi pengajian tinggi dari Rusia, yang hadir bagi meneroka potensi kolaborasi strategik bersama institusi pendidikan tinggi di Malaysia.